KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

ARAHAN KETUA PENGARAH KESIHATAN BILANGAN 1 TAHUN 2012

MENGIKUT PERUNTUKAN AKTA KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA 1998 [*AKTA 586*]

MELAPORKAN KES IBU HAMIL BERISIKO TINGGI KEPADA KLINIK KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

TUJUAN

1. Arahan ini ditujukan kepada pemegang perakuan pendaftaran klinik perubatan swasta, pemegang lesen hospital swasta dan rumah bersalin swasta supaya memastikan orang yang bertanggungjawab atau pengamal perubatan berdaftar di kemudahan jagaan kesihatan swasta tersebut, memaklumkan kes ibu hamil (antenatal dan postnatal) yang berisiko tinggi kepada klinik kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) yang berhampiran.

LATAR BELAKANG

2. Selaras dengan sasaran *Millennium Development Goals* (MDG) yang ke 5 untuk meningkatkan tahap penjagaan kesihatan ibu, usaha mengurangkan kadar kematian ibu merupakan satu agenda Nasional. Kementerian amat komited untuk mencapai sasaran penurunan kadar kematian ibu kepada 11 per 100,000 kelahiran hidup menjelang tahun 2015.

3. Berdasarkan kes-kes kematian ibu yang dilaporkan kepada Kementerian dan penyiasatan (*enquiries*) yang telah dijalankan, terdapat ibu yang mendapat rawatan di klinik perubatan swasta yang enggan untuk mendapat rawatan lanjut di hospital walaupun setelah dirujuk dan dinasihatkan untuk berbuat demikian. Ini menyebabkan mereka tidak mendapat penjagaan kesihatan yang sewajarnya sehingga menyebabkan kematian ibu.

4. Salah satu usaha penambahbaikan yang dikenalpasti adalah memastikan kesinambungan penjagaan (*continous care*) kesihatan ibu di kemudahan jagaan kesihatan awam dan swasta. Kementerian percaya, kejadian begini boleh dielakkan sekiranya kes ibu hamil berisiko tinggi dimaklumkan kepada klinik kesihatan yang berhampiran supaya staf dari klinik kesihatan tersebut boleh melakukan lawatan ke rumah untuk memantau dan menasihati ibu tersebut.

ARAHAN KETUA PENGARAH KESIHATAN

5. Orang yang bertanggungjawab atau pengamal perubatan berdaftar di kemudahan jagaan kesihatan swasta yang berkenaan perlu memaklumkan kes ibu hamil berisiko tinggi kepada klinik kesihatan berhampiran untuk tindakan susulan staf klinik kesihatan yang berkenaan bagi membantu mengurangkan bilangan kematian ibu di Malaysia.

6. Kriteria kes ibu hamil berisiko tinggi yang perlu dimaklumkan kepada klinik kesihatan yang berhampiran adalah seperti berikut:

6.1. Ibu antenatal atau postnatal yang mempunyai masalah/risiko perubatan (contoh: darah tinggi, diabetes, obes) DAN menghadapi masalah berikut:

(a) Enggan dirujuk ke hospital walaupun telah dinasihati;

(b) Kerap cicir lawatan pemeriksaan (*default follow-up*); atau

(c) Mempunyai latar belakang keluarga dengan sosio ekonomi yang rendah, tidak berkahwin, remaja atau tiada sokongan keluarga.

6.2. Ibu antenatal atau postnatal yang mempunyai masalah darah tinggi dan memerlukan pemeriksaan yang lebih kerap di rumah.

7. Maklumat ibu yang berkenaan boleh dimaklumkan melalui telefon atau surat kepada klinik kesihatan yang berhampiran, dengan butiran seperti berikut:

7.1. Nama penuh;

7.2. Nombor pengenalan diri;

7.3. Alamat lengkap;

7.4. Nombor telefon;

7.5. Diagnosa; dan

7.6. Ringkasan pengendalian/rawatan yang diberikan.

SUMBER KUASA

8. Arahan ini disediakan selaras dengan peruntukan Akta 586 seperti berikut:

8.1. Seksyen 76, Akta 586 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengeluarkan arahan, perintah atau garis panduan berkaitan dengan kualiti dan piawaian Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (KPJKS) sebagaimana yang difikirkannya perlu.

8.2. Seksyen 43, Akta 586 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengeluarkan notis tunjuk sebab mengenai niatnya kepada pemegang perakuan pendaftaran klinik swasta atau pemegang lesen KPJKS selain klinik swasta untuk menggantung atau

membatalkan perakuan pendaftaran atau lesen, atau tidak memperbaharui lesen KPJKS yang berkenaan sekiranya apa-apa arahan, perintah atau garis panduan yang diberikan kepadanya oleh Ketua Pengarah tidak dipatuhi sepertimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 44(d), Akta 586.

PEMAKAIAN

9. Arahan ini adalah terpakai ke atas klinik perubatan swasta yang berdaftar di bawah Seksyen 27, Akta 586 serta hospital swasta dan rumah bersalin swasta yang berlesen di bawah perenggan 19(a), Akta 586.

PEMATUHAN

10. Semua pemegang perakuan pendaftaran klinik perubatan swasta, pemegang lesen hospital swasta dan rumah bersalin swasta serta orang yang bertanggungjawab dan pengamal perubatan berdaftar bagi klinik perubatan swasta, hospital swasta atau rumah bersalin swasta (di mana yang berkenaan) hendaklah mematuhi Arahan ini.

TARIKH KUAT KUASA

11. Arahan ini berkuat kuasa serta merta mengikut tarikh Arahan.

DATO' SRI DR. HASAN BIN ABDUL RAHMAN
Ketua Pengarah Kesihatan, Malaysia
Tarikh: 15 NOV 2012